

ABSTRAK

Pembentangan tajuk 'Perceraian Di Kalangan Umat Islam: Satu Kajian Kes Di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan' ini mengandungi lima bab. Secara umumnya ia merangkumi bahagian pendahuluan, landasan teori, analisa data dan bahagian penutup.

Bab pertama adalah sebagai bahagian pendahuluan yang menerangkan mengenai latar belakang perceraian secara umum, tujuan kajian, bidang, metod dan masalah kajian.

Di dalam bab kedua, penulis membawakan pandangan Islam mengenai perceraian yang terangkum di dalamnya definisi perceraian, dalil-dalil penyariatannya, hukum-hukum, hikmat dan jenis-jenisnya. Perkara-perkara ini akan digunakan di bahagian analisa data untuk melihat perbezaan dan perbezaan antara perceraian di dalam Islam dan realiti yang berlaku.

Bab ketiga pula menerangkan mengenai lokasi penyelidikan di segi geografi, bancian penduduk dan struktur pentadbirannya mengikut Pejabat Daerah Klang dan Pejabat Agama Islam Daerah Klang. Ia akan digunakan di dalam penganalisaan data mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan orang Melayu dan bukan Melayu yang beragama Islam.

Pada bab keempat penulis membuat penganalisaan mengenai perceraihan yang berlaku di Daerah Klang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor dan realiti yang berlaku.

Di bab ini juga penulis membuat statistik tentang jenis perceraihan, kadar dan punca-punca utama perceraian serta implikasinya terhadap pihak-pihak yang terlibat.

Di dalam bab yang terakhir penulis akan membuat beberapa kesimpulan terhadap perbincangan yang terdahulu dan sebelum menutup kajian penulis memperturunkan beberapa saranan bagi mengurangkan kadar perceraian di kalangan umat Islam di Selangor khasnya dan di Malaysia amnya.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي علم بالعلم، علم بالآنساء مالم يعلم
 خالق الآنساء من نفسم وأمده وجعل منها
 ذو هبها وبيتها منها رحماد ونساء، والذى لم يخلق
 شيئاً إلا رحمة وحكمة.
 والهداية والسلام على نبينا محمد صلوات الله عليه وسلم.
 وعلى الله وصحابته وتابعيه سببيه في الإيمان
 والرحسان.

Segala kesyukuran kepada Allah semata-mata yang memberikan kekuatan dan petunjuk kepada penulis untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Salawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan kerabat-kerabatnya, para sahabat dan pengikut-pengikut jejak mereka dengan seikhlasnya hingga hari kemudian.

Ucapan terima kasih dan jasakallahu khairan kathira kepada penyelia latihan ilmiah ini, al-fadil Ustaz Abdul Wahab b. Hj. Hamid yang membimbing penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelaras kertas projek ini iaitu al-Ustaz Idris Awang yang telah menourahkan tenaganya untuk memperkenalkan kajian ilmiah ini kepada kami dan juga kepada sekalian para pensyarah yang telah menumpahkan segala ilmu dan tunjuk ajar untuk membentuk kami menjadi manusia

yang berguna di dunia dan akhirat. Semoga kerdeaan Allah sentiasa menaungi mereka.

Seterusnya penulis ingin mengalungkan setinggi penghargaan kepada pihak Pejabat Agama Islam Daerah Klang dan kakitangannya yang memberikan kerjasama yang memuaskan sepanjang kajian ini dijalankan. Terutama kepada;

1. Al-Fadil al-Ustaz Assnungi Hj. Sidek sebagai kadi semasa kajian ini dijalankan.

2. Ustazah Khameah Hj. Ramli selaku Pegawai Kebajikan Wanita.

3. Encik Selamat Surip sebagai kerani mahkamah.

4. Ustaz Baron Ahmad sebagai Pegawai Dakwah Dan Penerangan.

5. Ustaz Abdul Rahim Salleh sebagai Pegawai Zakat.

6. Encik Amin Hj. Sanusi sebagai penghantar notis.

Akhirnya kepada para responden yang telah ditemubual, orang-orang yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung di dalam penyelidikan ini. Semoga usaha mereka diberi ganjaran yang baik.

Sekian. Wassalam.

Nora'inan Bahari

Lot 2091, batu 6½,

Jln. Hj. Abdul Rahman,

Meru, 41050 Klang,

Selangor Darul Ehsan.

30hb. Januari 1990

3hb. Rajab 1410.